

02/04/1998

Sweden minat labur di Malaysia

Azizi Othman in London

LONDON, Selasa - Sweden sedang membuat pelbagai persediaan untuk mengambil peluang melabur di Malaysia kerana yakin kegawatan ekonomi yang melanda negara hanya bersifat sementara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang singgah di Stockholm dalam perjalanan ke sini semalam berkata, persediaan itu dibuat kerana pelabur Sweden percaya kegawatan ekonomi yang melanda Malaysia dapat dipulihkan tidak lama lagi.

Menurut Perdana Menteri, masyarakat pelabur di negara itu juga yakin asas ekonomi Malaysia yang masih kukuh, membolehkannya untuk berkembang semula.

"Secara amnya, mereka amat berminat untuk melabur di Malaysia dan penuh yakin bahawa kegawatan ekonomi yang kini melanda negara adalah bersifat sementara.

"Oleh itu, mereka kini meneruskan segala persiapan untuk mengambil kesempatan daripada ekonomi Malaysia yang akan pulih nanti," katanya kepada pemberita selepas menemui 10 pemimpin kelab Umno Britian dan Eire, di sini, hari ini. Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir mengulas mengenai lawatannya ke Sweden yang turut membabitkan perbincangan dan kunjungan ke kilang syarikat pengeluar kereta terkemuka, Volvo.

Ketika di Sweden, beliau berbincang mengenai kegiatan Volvo di Malaysia, terutama mendapatkan maklumat sama ada ia boleh ditingkatkan dan serta kemungkinan mengukuhkan kerjasama sedia ada.

Dr Mahathir juga melawat loji pengeluaran kereta yang baru milik Volvo serta melihat proses terkini menghasilkan kereta pada kos lebih rendah, sebelum berlepas ke sini dan bertemu pemimpin kelab Umno itu.

Dalam pertemuan dengan pemimpin kelab Umno di sini, Perdana Menteri antara lain menjelaskan keadaan semasa di Malaysia terutama mengenai kegawatan ekonomi, masalah di Pulau Pinang dan isu pendatang tanpa izin.

Dr Mahathir tiba di sini malam tadi untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem-2) yang dijadual berlangsung pada 3 dan 4 April. Ia membabitkan 10 negara Asia dan 15 negara Eropah.

(END)